BERITA HARIAN, JUMAAT, 11 APRIL, 1980

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

"Orang2 yang melakukan rasuah dipandang hina oleh masyarakat," kata Dr. M.

"RASUAH adalah 'extension' kepada perinsip bekerja kurang tapi mahu pendapatan yang lebih.

"Rasuah adalah rasuah walau di mana peringkat pun yang isnya berlaku. Penyalahgunaan kuasa samada di dalam Kerajaan atau di sebuah firma swasta, di kalangan Menteri dan 'top executive' atau di kalangan pekerja bawahan, adalah rasuah dan mempunyai kesan rasuah terhadap masyarakat. Akhirnya, penerima rasuah sendiri, sebagai masyarakat jua, akan merasai kesan buruknya."

"Rasuah, seperti lain-lain jenayah adalah dianggap buruk kerana ia memburuk kan kedaan masyarakat. Masyarakat ialah kumpulan individu, termasuk penjenayah, yang menerima rasuah tadi. Ini bermakna bahawa penerima rasuah akan menerima kesan buruk kesalahannya.

"Sekali lagi dalam jangka masa pendek, keburukkan bagi diri sendiri tidak ternyata, seperti penyamun yang mendapat hasil jenayahnya dan hidup lumayan, mungkin sehingga habis hayatnya. Penerima rasuah juga mungkin dapat 'menikmati' hasil jenayahnya tanpa di ketahui oleh masyarakat dan tindakan diambil terhadapnya. Dalam jangka masa pendek hasil rasuah mengutungkan penerimanya.

"Tetapi rasuah adalah jenayakit yang setelah binggap tidak mudah melepaskan seseorang dengan kejayaan kali pertama, penerima akan terus terlibat dengannya lambat laun ia akan terjebak oleh masyarakat dan tindakan diambil terhadapnya. Jika pun perbuatannya tidak dapat dikesan, masyarakat akan tahu dan akan memandang hina kepadanya."

(Begitulah kata Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, seperti tercatit dalam rencana karangan beliau sirik-2 yang terdiri di Utusan Melayu, April 8, 1980).

* * *

Komen Penulis:

Untuk membolehkan para pembaca yang dihormati merenungkan secara serius dan memahami dengan sepenuhnya mesej yang terkandung dalam rencana yang dikarang oleh Dr. M. itu, penulis sebagai ganti kepada komen biasa (lebih-lebih lagi kerana penulis kerap kali sangat membuat komen) mengenai sabjek ini, penulis akan catitkan cerita mengenai beberapa kes rasuah yang berlaku di sana dan di sana, yakni di luar negara kita.

Nalb Menteri Post & Telekom, Jepun, insin lalu mengumumkan peletakan jawatan berikutan skandal mengenai monopoli Telekom seberang laut, Kokusai Denshin Denwa.

Menjikut agensi berita Jepun, Kyodo, sebab yang membawa kepada peletakan jawatan oleh Nalb Menteri (bersama-sama dengan seorang pegawai tinggi Kementerian yang sama) lalah untuk membuktikan kesedianan mereka memikul tanggungjawab mengenai skandal yang melibatkan orang-orang bertugas di bawah mereka. (Nota: Ini adalah amalan biasa di negeri Jepun. Bila satu-satu skandal terdedah, seorang Menteri atau Nalb Menteri akan meletak jawatan dan dengan cara ini pengundi akan berpuas hati.)

Skandal KDD itu khabarnya berupa pemalsuan invoice-invoice kerajaan ("expense account"), penipuan, "political influence-peddling" dan penyeludupan.

(Petikan dari sebuah akhbar luarnegeri, April 8, di bawah kepala "Graft scandal vice-minister resigns").

Satu penipuan yang melibatkan 120 ribu juta rupiah (lebih kurang M$462 juta) berkenaan dengan "tender" bekalan kepada Kementerian Pelajaran Indonesia, khabarnya, telah terdedah, Isnin lalu.

Menteri Pelajaran, Dr. Daud Jusuf, sedang menyiasat kes berkenaan, kata kenyataan yang diklearkan oleh Kementerian Pelajaran. Jumlah wang yang terlibat, khabarnya adalah jauh yang terbesar sekali dalam sejarah skandal Indonesia.

(Petikan dari sebuah akhbar luarnegeri bertarikh April 8, 1980 di bawah kepala "Minister looking into $460m fraud charge").

Berita mengenai deposit berjumlah 250 juta di sebuah bank di Singapura telah menghidupkan semula tuntutan supaya penyiasatan resmi dijalankan terhadap tuduhan korupsi yang dimukukakan oleh beberapa orang MP telah mencetuskan perhatian orang ramai kerana tuntutan-tuntutan berkenaan diberi liputan besar-besaran oleh akhbar-akhbar tempatan.

(Petikan dari sebuah akhbar luarnegeri bertarikh April 5, 1980 di bawah kepala "Restless MPs query Suharto").

Pihak yang berkuasa di Filipina telah mengemukakan kes Mahkamah berempat kes jenayah terhadap 8 orang pegawai bank luarbandar berkaitan dengan penipuan yang dilakukan terhadap Bank Pusat — penipuan yang melibatkan 5.56 juta pesos (lebih kurang M$1.8 juta).

Mengikut laporan akhbar, penipuan itu berupa "swindling operations" yang, khabarnya, dilakukan oleh pegawai-pegawai yang terlibat yang meluluskan pinjaman dan pinjaman kepada 546 orang peminjam rekaan, yakni, "fictitious borrowers".

(Petikan dari South China Morning Post, bertarikh April 3, 1980 di bawah kepala "Bank officials on $3m fraud charges").

Menteri Dalam Negeri Thailand, Mr. Prathuang Kiratibutr, Khamis lalu telah memerintahkan penangkapan 7 orang pegawai kanan dari Kementerianya atas tuduhan mengelapkan wang Kerajaan.

Ketujuh-tujuh orang pegawai tinggi tersebut (termasuk seorang Setiausaha Kendah Kementerian) telah dituduhkan sebagai menyelewengkan keuntungan dari sebuah kilang pencetak Kerajaan dengan tujuan mengunakan keuntungan berkenaan untuk fedah diri mereka.

Para pemerhati mempercayai bahawa ini adalah bukti yang pertama yang mengisytiharkan bahawa Perdana Menteri Prem tidak berjenaka bila beliau di ketika mengambil alih kuasa dahulu berikhrar untuk menamatkan amalan rasuah. (Penulis menambah — Harap atau "vow" yang dilafazkan oleh seorang General di Thailand yang tidak menghisap rokok ataupun paip dan yang tidak minum arak, kecuali di majlis-majlis resmi "must be taken very seriously").

(Petikan dari sebuah akhbar luarnegeri bertarikh April 4, 1980 di bawah kepala "Seven senior Thai govt officials held for graft").

Seorang pegawai atasan Parti Komunis China di Henan telah disingkirkan dari kesemua jawatan yang disandangnya, kerana menerima rasuah dan menyalahguna kuasa dengan memberi layanan istimewa kepada keluarga kawan-kawannya, kata Harian Rakyat, minggu lalu.

Harian Rakyat menambah, Chai Junming, Pengarah "Civil Labour Bureau" telah menerima "wine" (arak manis), rokok dan hadiah-hadiah berupa makanan sebagai "bribes" untuk menggerakkan beliau memberi kerja-kerja baik kepada calon-calon tertentu.

"Calon-calon tertentu" itu, ialah, anak-anak dan saudara-saudara kepada pemimpin-pemimpin parti tempatan.... Selain daripada menerima benda-benda yang disebutkan tadi Chai Junming, adalah jua berkata, "curry favour", maksud mencatitkan diri dalam "good book", yakni buku baik, pemimpin-pemimpin parti yang telah diberi layanan istimewa itu.

Akhbar ini menambah, Chai begitu berani sehingga tergamak melantik anak pemuannya sendiri (tanpa kualifikasi yang sewajar, agaknya?) sebagai "Chief Cashier" kepada Bureau Kewangan Daerah dan selepas itu sekelap-sekejap menaikkan gajinya yang tiada kebenaran pihak yang berkuasa.

(Dipetik dari South China Morning Post, bertarikh April 1, 1980 di bawah kepala "Bribes lead to sacking").

Chief Accountant dan Kerani wang di sebuah kilang kulit Soviet Union, baru-baru ini telah dijatuhkan hukuman penjara 14 tahun dan 11 tahun (masing-masing) kerana menggelapkan 140,000 roubles (lebih kurang M$600 rbu) wang kepunyaan kilang.

Sebuah akhbar di Moscow, Sovietskaya Rossia, berkata bahawa Ketua Akauntan berkenaan, Mrs. Koziavina (wah, wanita pula kali ini!) telah menyain beberapa keping cek gaji untuk dibayar kepada "bogus workers" (pekerja palsu) di kilang berkenaan yang tertetak di Wilayah Briansk.

Kerani wang yang terlibat itu adalah jua seorang wanita ("birds of a feather flock together", bak kata orang putih.)

Pada mulanya, kerani wang itu tidak pernah berpakat dengan Akauntannya, tapi setelah dipromindah melakukan pembayaran kepada pekerja-pekerja palsu, maka mulalah jua ia menyedari bahawa Ketuanya melibatkan diri dalam satu bisnes (tanpa modal) yang membawa keuntungan besar. Maka kerani wanita menoutu dari ketua supaya lanya diambil sebagai "partner" dalam "game" berkenaan — "game" yang tidak boleh membawa peserta kepada kerugian. Dalam tahun 1975 dan 1976, Akauntan dan kerani wang berjaya menyedut ("syphoned") 20,686 roubles dan 40,179 roubles dalam tahun 1978.

Akhbar Sovietskaya Rossia berkata apa yang menarik perhatian lalah tidak sesiapa yang menyedari lebih awal lagi "kemerosapan" (disappearance) wang yang sebegitu banyak dari kira-kira kilang kulit berkenaan. Mungkin bermabah bahawa ada kemungkinan orang yang menyedari jua tidak membuat pilihan ("in the interest of survival) untuk mewejamkan mata serapat-rapatnya atas alasan bahawa orang yang berani menggelapkan wang yang berjumlah begitu besar tentu sekali berkebolehan "membelasah lindungan" yang sewajar dari pemimpin-pemimpin besar Parti!

(Dipetik dari South China Morning Post, April 2, 1980 di bawah kepala "Two jailed for $1m swindle").

Catitan Khas:

"Penerima rasuah akan menerima kesan buruk kesalahannya," kata Datuk Seri Dr. Mahathir di atas tadi. Cerita-cerita dari luarnegeri itu adalah kepada kita ini yang menunjukkan kebenaran apa yang diperkatakan oleh Dr. M. itu. Kerana, hampir kesemua "peserta-peserta" dalam kes-kes rasuah di-nyatakan tadi, telahpun dikesan dan menerima balasan yang sewajar di dunia ini, yakni di dunia yang satu lagi itu belum kita ketahui.

Bagi mereka yang belum lagi dikesan dengan tepat, kegiatan buruk mereka itu telahpun diketahui oleh masyarakat. Ini menyebabkan pihak orang-orang tua yang menyilasati kegiatan jenayah mereka itu; ataupun mereka yang telah diladikan bual mulut orang, dalam konteks tidak sihat, yakni, "unfavourable light". Itulah yang menyebabkan Dr. M. tadi berkata bahawa walaupun perbuatan orang-orang kerap tidak dapat dikesan dengan tepat (kerana kekurangan bukti), masyarakat tahu dan memandang hina terhadap mereka.

Oleh itu, pihak orang-orang yang korap di sana dan di sini, samada yang berpangkat tinggi, menengah ataupun rendah; eksekutif atasan, kalangan atauapun kiri (yang telah dan sedang mengamalkan korapsi tapi masih belum terdedah kerana BSN tidak memunyai bukti yang mencukupi) janganlah hendaknya mereka itu terlampau konfiden, dalam konteks, mereka yang kegiatan buruk mereka itu tidak diketahui orang... Kerana, kalaupun dunia pada keseluruhannya tidak mengetahui, tapi (selain dari Tuhan dan malaikat) mereka sebahat rapat, jiran dan setengah-setengah budak suruhan di Pejabat (kerana dinding pun khabarnya mempunyai telinga) adalah mengetahuinya — semata-mata dengan memerhatikan "social contacts" mereka dan cara hidup atau "standard of living" yang begit u tinggi, dibandingkan dengan pendapatan halal bulanan mereka!

Apa yang menakjubkan orang-orang biasa atau pemimpin-pemimpin yang anti-korapsi termasuk Dr. M. sekali, lalah — sungguhpun orang-orang yang mengamalkan korapsi jarang-jarang sekali "terlepas" dari jaring pihak yang berkuasa, memandangkan dari laporan-laporan di akhbar-akhbar samada di luar atau di dalam negeri. Tetapi penderitaan orang-orang korap yang telah tertangkap itu, nampaknya, tidak samasekali melunakkan semangat bakal-bakal penjenayah di bidang korapsi. Mungkin keseronokan hidup mewah "beyond their means" itu begitu sekali, agaknya, memusakan jiwa sehingga menghayalkan mereka dari memikirkan akibat buruk perbuatan mereka itu. Agaknya, namakh kendaman yang dengan pemuda-pemudi kita di hari ini yang begitu syok dan seronok sekali berkhalwat, sehingga terlupakan akibat buruk dari segi rasuah-rasuah dan keluarga bila mereka itu dikesan dan diheret ke Mahkamah Kadi oleh apa yang boleh dikatakan pegawai-pegawai "oppressent" dari skuad anti-maksiat.

☆ ☆